Seterusnya, kaedah pembelajaran yang kurang sesuai juga antara faktor keciciran murid Orang Asli dalam pembelajaran. Kajian oleh Bemen & Kiky (2018) di Pos Sinderut mendapati bahawa kaedah pembelajaran murid di bandar adalah berbeza sama sekali dengan kaedah pembelajaran murid Orang Asli yang belajar melalui mekanisme cerita rakyat, seni ritual, dan pantang larang dari ibu bapa dan orang tua mereka sendiri. Pendekatan yang menarik dan sesuai haruslah diterapkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid Orang Asli kerana menurut





Bemen dan Kiky (2018), murid Orang Asli mereka mempunyai minat dan kemahiran ketika bermain, bernyanyi dan makan.

Dalam pada itu, menurut Nurul & Zulkefli (2018), kajian mereka menunjukkan bahawa persekitaran kurang kondusif, guru kurang memahami dan kurang berkemahiran, kurang motivasi dari ibu bapa serta kurangnya kepentingan terhadap pendidikan yang berasaskan budaya masyarakat Orang Asli membawa kepada keciciran murid. Perkara ini seterusnya akan membawa kesan kepada kehadiran murid dengan merujuk sebuah dapatan kajian yang dilaksanakan di sekolah Orang Asli di Bera, Pahang mendapat 70 peratus kadar kehadiran murid pada tahun 2014 masih di bawah KPI kebangsaan (Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2015). Justeru, melalui pendekatan yang sesuai dengan latar belakang murid Orang Asli akan mampu membantu meningkatkan keseronokan dan minat



Menyedari bahawa jurang pendidikan yang sedang dihadapi oleh murid Orang Asli ini pendekatan yang sesuai haruslah dilakukan. Wahab et al. (2020), menekankan bahawa tentang kelangsungan gaya hidup dan warisan Orang Asli dapat dikembangkan dan disampaikan pengetahuan tersebut menerusi Sekolah Rimba. Oleh itu, masalah pembelajaran yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli ini perlulah dilaksanakan seiring dengan tahap pendidikan dan juga minat mereka untuk belajar. Bagi menarik minat mereka satu pendekatan yang sesuai seperti konsep Sekolah Rimba yang menekankan pembelajaran berdasarkan alam semula jadi dilihat sebagai padanan yang baik dengan untuk murid Orang Asli.

Konsep Sekolah Rimba dilihat mampu untuk membantu pembelajaran yang lebih baik kepada Orang Asli kerana menurut Barrable & Arvanitis (2019), Sekolah





Rimba ternyata membantu memupuk rasa ingin tahu dan meningkatkan kecenderungan kanak-kanak untuk meneroka dan belajar dalam suasana semula jadi. Manakala menurut McCree, Cutting & Dean (2018), Sekolah Rimba dapat meningkatkan pencapaian murid dari aspek sosial, fizikal, keyakinan ketika belajar dan memupuk hubungan yang baik dengan alam. Dalam masa yang sama perkembangan pencapaian akademik dan kehadiran juga memperlihatkan peningkatan positif. Bagi murid Orang Asli di Malaysia, penerapan elemen Sekolah Rimba ini dapat membantu kepada pendidikan yang lebih mudah difahami dan pendedahan kepada pengetahuan peribumi mereka untuk dipelihara.

Kajian oleh Arifin & Harun (2016) hasil gabungan elemen-elemen Sekolah Rimba seperti aspek afektif, kognitif dan psikomotor pelajar Orang Asli telah dimasukkan ke dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran. Manakala kajian mengenai Sekolah Rimba oleh Nur Bahiyah, Najib & Che Lah (2019), yang telah membangunkan Kit Rimba iaitu bagi membantu penguasaan akademik dan kompetensi murid Orang Asli dalam mata pelajaran sains. Bagi kajian ini pula, konsep Sekolah Rimba ini tertumpu kepada aspek pengetahuan peribumi yang menjadi elemen penting di dalam modul yang dibangunkan dan sedikit berbeza dengan pendekatan Sekolah Rimba di luar negara yang banyak berfokuskan persekitaran luar bilik darjah sebagai tempat untuk memperoleh pendidikan dan lebih dekat dengan alam sekitar. Kajian ini juga menumpukan kepada aspek pembacaan Bahasa Melayu dan dalam masa yang sama bagi memastikan kelestarian pengetahuan peribumi Orang Asli Semai menerusi modul Sekolah Rimba.





### 1.3 Penyataan Masalah

Sejak dibangku sekolah rendah lagi, seorang murid perlulah menguasai kemahiran membaca, menulis dan memahami isi perkataan (Zamri, Kamiliah & Wan, 2016). Namun realitinya di Malaysia masih lagi berlaku keciciran dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Masalah kelancaran membaca dan kefahaman ayat dalam kalangan murid Orang Asli masih lagi wujud sehingga hari ini. Hal ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian oleh Mai Shihah, Marzian & Julismah (2017), murid Orang Asli ternyata hanya dapat membaca lebih banyak perkataan dalam bahasa ibunda mereka iaitu Bahasa Semai berbanding Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Masalah penguasaan Bahasa Melayu semestinya memberikan pengaruh dalam pencapaian akademik dan juga akan memberikan kesan kepada masa depan murid Orang Asli kelak (Shahidi et al., 2018).



Seterusnya, menurut Slyvester, Alizah & Rosliah (2020), statistik dari Laporan Sumber Lembaga Peperiksaan dalam PPPM (2013-2025) menunjukkan murid bukan penutur jati masih gagal menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu yang mengakibatkan mereka gagal dalam mencapai gred lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Masalah kemahiran membaca dan ketidakcekapan menguasainya boleh menyebabkan murid menjadi lemah dan tidak minat dalam pembelajaran terutamanya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Hanifah et al, 2019). Menyedari akan masalah ini semestinya akan membawa kepada isu pembelajaran murid-murid Orang Asli kerana medium penyampaian pembelajaran di sekolah banyak menggunakan Bahasa Melayu. Menurut Nora'zian dan Fazilah (2018), Bahasa Melayu merangkumi pelbagai tujuan dan fungsi kegunaannya maka amat penting untuk masyarakat Orang Asli menguasainya walaupun mempunyai perbezaan dengan bahasa ibunda mereka.





Dalam pada itu, menerusi laporan berita Bernama (2018), pada tahun 2017 kadar keciciran murid Orang Asli adalah di antara 13 peratus dan 15 peratus dengan berpandukan bilangan murid dari Tahun Enam yang mendaftar ke Tingkatan Satu. Seterusnya, pada tahun 2016 adalah 17 peratus dan 20 peratus pada tahun 2015. Menurut Sheera dan Azizan (2017) berbanding kaum yang lain, peratusan pelajar Orang Asli yang lulus peperiksaan awam Malaysia iaitu bagi sekolah rendah dan menengah juga amat kecil.

Seterusnya, kemerosotan pendidikan masyarakat Orang Asli kerana gaya hidup bebas dan tiada kemahiran pengurusan masa yang mempengaruhi motivasi mereka untuk belajar ditambah pula dengan minat yang sangat kurang (Siti Hayati, 2017). Menerusi dapatan kajian oleh Mohd Hasra & Dharatun (2019), mendapati bahawa kebanyakan murid Orang Asli tiada motivasi untuk cemerlang yang menyebabkan kemerosotan mereka dalam kehadiran dan pelajaran. Malah, ada juga ibu bapa yang tidak mementingkan pendidikan anak-anak kerana pada mereka pendidikan bukanlah sesuatu yang penting untuk meneruskan hidup di kawasan pendalaman.

Belenggu keciciran murid Orang Asli ini tidak akan selesai kerana kekurangan program atau modul khas yang bersifat tetap yang bersesuaian dengan tahap kefahaman murid Orang Asli ini. Bagi Orang Asli, pendidikan untuk mereka perlulah melangkaui kesaksamaan dan haruslah terdiri daripada rasa hormat akan pengetahuan peribumi, budaya, adat dan bahasa di dalam sistem pendidikan yang dibina (Mohd Roslan, 2016).

Program-program seperti Kelas Intervensi Awal Menulis dan Membaca (KIA2M), Pemulihan Khas Murid Orang Asli (PKMOA) dan Kurikulum Asli dan Penan (KAP) (KPM 2012a) yang hanya memfokuskan kepada penguasaan kemahiran tanpa





mengaplikasikan pengetahuan peribumi. Hal ini juga disokong oleh Mohd Roslan dan Mansor (2019) bahawa tindakan perlu diambil segera dengan tidak mengabaikan amalan sosiobudaya Orang Asli dan pertimbangan juga perlu diutamakan kepada mekanisme terbaik pembangunan pedagogi dan kurikulum pengajaran dan pembelajaran yang khusus buat mereka.

Justeru kajian ini akan menghasilkan modul dengan berasaskan pengetahuan peribumi masyarakat Orang Asli Semai di Perak yang masih lagi menggunakan ciri budaya masyarakat mereka sebagai gaya hidup. Menurut Bruchac (2010), pengetahuan peribumi adalah kepercayaan, pengetahuan, dan tradisi yang diturunkan ke generasi bertujuan untuk memelihara, menjalankan hubungan dan berkomunikasi antara mereka. Berdasarkan pengetahuan peribumi yang telah lama wujud di dalam generasi mereka ia boleh diaplikasikan serta dijadikan asas dalam pembangunan

modul Membaca Sekolah Rimba ini.

Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Hal ini selari dengan dapatan kajian oleh Wahab et. al (2020) yang menegaskan bahawa konsep Sekolah Rimba merupakan rujukan yang komprehensif bagi penggubal dasar pendidikan kerana elemen pengetahuan peribumi perlu diserapkan ke dalam sukatan pelajaran bagi memastikan kelestarian budaya hidup masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman hutan. Manakala dari segi konteks pembelajaran Bahasa Melayu pula persekitaran hendaklah dibentuk dan diciptakan menggunakan pelbagai aktiviti (Nora'azian dan Fazilah, 2018). Selaras juga dengan hasil kajian oleh Siti Nor & Mohd Nazri (2017), proses pengajaran dan pembelajaran asas literasi dan peningkatan tahap penguasaan abjad serta suku kata bahan pembelajaran murid Orang Asli berhasil dengan pendekatan lagu rakyat mereka sebagai bahan pengajaran. Oleh itu, pembangunan Modul Membaca Sekolah Rimba ini adalah sebuah pendekatan yang relevan dan sepadan dengan murid Orang Asli.





## 1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membangunkan modul Sekolah Rimba serta menguji keberkesanan modul yang dibangunkan berdasarkan pengetahuan peribumi bagi mengekalkan kelestarian masyarakat Orang Asli. Melalui kajian ini akan menghasilkan Modul Sekolah Rimba bagi murid-murid Orang Asli sekolah rendah yang seterusnya akan membantu murid Orang Asli dari segi akademik iaitu untuk lebih memahami aspek membaca bagi mata pelajaran Bahasa Melayu untuk murid Tahun 3 dan dalam masa yang sama mereka boleh mengukuhkan ilmu pengetahuan peribumi mereka demi menjamin kelestariannya.

## 1.5 Objektif Kajian



- i. Memahami pengetahuan peribumi Orang Asli Semai di negeri Perak.
- ii. Membangunkan Modul Membaca Sekolah Rimba berdasarkan pengetahuan peribumi Orang Asli Semai.
- iii. Menguji keberkesanan Modul Membaca Sekolah Rimba:
  - a) Menilai akan skor murid daripada Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan terhadap keberkesanan pembelajaran Modul Membaca Sekolah Rimba.
  - b) Meneroka akan sikap murid Orang Asli Tahun 3 ketika modul Sekolah Rimba digunakan dalam bilik darjah.
  - c) Meneroka akan motivasi murid Orang Asli Tahun 3 ketika modul Sekolah Rimba digunakan dalam bilik darjah.
  - d) Meneroka akan minat murid Orang Asli Tahun 3 ketika modul Sekolah Rimba digunakan dalam bilik darjah.





## 1.6 Persoalan Kajian

- i. Apakah elemen-elemen yang terkandung di dalam pengetahuan peribumi Orang Asli Semai.
- ii. Bagaimanakah Modul Membaca Sekolah Rimba yang berdasarkan elemen-elemen pengetahuan peribumi untuk murid Orang Asli Tahun 3 direka bentuk dan dibangunkan?
- iii. Adakah Modul Membaca Sekolah Rimba berkesan untuk digunakan oleh murid Orang Asli Semai?
  - a) Bagaimanakah skor pelajar daripada Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dinilai?
  - b) Bagaimanakah sikap murid Orang Asli Tahun 3 terhadap Modul Membaca Sekolah Rimba yang telah dibina?
  - c) Bagaimanakah motivasi murid Orang Asli Tahun 3 terhadap Modul Membaca Sekolah Rimba yang telah dibina?
  - d) Bagaimanakah minat murid Orang Asli Tahun 3 terhadap Modul Membaca Sekolah Rimba yang telah dibina?

## 1.7 Hipotesis Kajian

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran membaca antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca bagi kumpulan kawalan di Sekolah A.

Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran membaca antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca bagi kumpulan rawatan di Sekolah A.





Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran membaca antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca bagi kumpulan kawalan di Sekolah B.

Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran membaca antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca bagi kumpulan rawatan di Sekolah B.

Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran membaca antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca bagi kumpulan kawalan di Sekolah C.

Ho6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran membaca antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca bagi kumpulan rawatan di Sekolah C.



## 1.8 Kepentingan Kajian



Modul Membaca Sekolah Rimba yang dibangunkan adalah untuk memudahkan pembelajaran bagi murid-murid Orang Asli yang akan membantu mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh kerana tidak banyak modul khusus yang dibangunkan, maka modul ini akan memberikan kemudahan terutama dalam meningkatkan asas pembelajaran terutama dari segi pembacaan. Dalam masa yang sama murid Orang Asli boleh mengukuhkan ilmu pengetahuan peribumi mereka demi kelangsungannya untuk generasi muda. Seterusnya, dapat membantu untuk membendung masalah kecinciran dan kehadiran mereka ke sekolah dengan memupuk sikap, motivasi dan minat terhadap pembelajaran.

Modul ini membantu murid Orang Asli untuk mempelajari subjek Bahasa Melayu yang berkaitan dengan pengetahuan peribumi dan seterusnya mereka boleh





menggunakan pengetahuan tersebut dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Hal ini juga dapat disokong dengan bukti kajian oleh Ho, Dong & Aaron (2019) yang dilakukan di Vietnam yang mendapati bahawa peningkatan dan penyelenggaraan perkhidmatan ekosistem serta meningkatkan kemampuan menyesuaikan diri dengan perubahan iklim adalah dengan adanya pengetahuan peribumi suku kaum Yao di dalam sistem kehidupan mereka, maka pengetahuan seperti ini penting bagi untuk dipelajari seawal usia. Bagi Orang Asli, alam sekitar adalah di mana lahirnya perkembangan ciri kehidupan dan gaya hidup mereka.

Dalam pada itu, melalui modul ini juga dapat membantu guru-guru dalam mempelbagaikan kreativiti mereka semasa mengajar dan membantu murid untuk mendapatkan kefahaman yang lebih baik. Tambahan pula, guru juga dapat mengenali dan memahami akan budaya masyarakat Orang Asli yang akan memudahkan guru tersebut untuk berkongsi maklumat dan perbincangan bersama murid. Hubungan positif akan dipupuk dan dalam masa yang sama guru dan murid dapat memperbaiki komunikasi mereka.

Kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) juga boleh membantu murid Orang Asli menerusi modul ini dalam meningkatkan pengetahuan, pencapaian akademik dan mengurangkan keciran. Pihak kerajaan dapat menjadikan modul Membaca Sekolah Rimba ini sebagai asas pembangunan pendekatan baharu kepada murid Orang Asli di Malaysia dengan menjadikannya sebagai satu silibus atau tema pembelajaran. Melalui kajian ini juga pihak NGO dapat mengenal pasti kaedah yang lebih baik untuk merancang aktiviti pendidikan untuk masyarakat Orang Asli yang amat memerlukan bantuan dari segi pendidikan.





## 1.9 Kerangka Konseptual

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual untuk kajian ini adalah dibina berdasarkan teori-teori sosiologi dan pendidikan iaitu Teori Fungsionalisme, Teori Interaksi Simbolik dan Teori Empirisme. Teori-teori ini dipilih kerana bersesuaian dan boleh diadaptasi semasa proses pembelajaran murid Orang Asli dengan menggunakan modul Membaca Sekolah Rimba. Teori Fungsionalisme bagi kajian ini adalah dalam konteks pentadbiran sekolah dan guru yang berfungsi untuk membantu pembangunan modul dan pelaksanaan modul. Dalam masa yang sama pemimpin masyarakat (Tok Batin) yang berpengetahuan tentang fungsi segenap masyarakat Orang Asli yang juga membantu dari segi pembangunan modul. Seterusnya, Teori Interaksionisme Simbolik adalah untuk melihat tingkah laku dan tindak balas terhadap Modul Membaca Sekolah Rimba bagi memperoleh respon murid sama ada mereka

mampu merangsang atau tidak aspek sikap, motivasi dan minat. Teori Empirisme

Dalam Pendidikan pula dalam konteks pembelajaran murid Orang Asli menerusi modul ini mereka akan memperoleh pembelajaran secara merasai pengalaman sendiri dengan pelbagai aktiviti yang disediakan di dalam modul berasaskan pengetahuan peribumi mereka. Modul ini membantu mereka untuk mempelajari pengetahuan peribumi dengan lebih baik yang tidak hanya bergantung kepada cerita-cerita dari ibu bapa mereka sahaja.


Modul ini dibangunkan secara berperingkat dengan menggunakan Model ADDIE iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Kemudian, keberkesanan modul ini diuji menerusi pendekatan kuasi-eksperimen di mana ujian pra dan ujian pasca dianalisis. Setelah itu, senarai semak pemerhatian yang menunjukan sikap, motivasi dan minat murid terhadap modul juga dianalisis.





## Rajah 1.1

### Kerangka Konseptual





## 1.10 Definisi Konsep dan Definisi Operational

### 1.10.1 Orang Asli

Orang Asli didefinisikan mengikut Akta 134 dengan ringkasnya ialah ‘orang yang ibu atau bapanya atau kedua-duanya adalah Orang Asli, bercakap dalam bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli serta mempercayai adat dan kepercayaan Orang Asli (Colin, 2000). Masyarakat Orang Asli adalah dari kumpulan peribumi minoriti yang banyak menetap di Semenanjung Malaysia. Menurut Nicholas (2000), Orang Asli mempunyai 18 etnik, namun tiga kumpulan utama dibahagikan secara rasminya iaitu Negrito, Senoi dan Proto-Melayu. Orang Asli bagi kajian ini adalah tertumpu pada murid-murid Orang Asli bagi suku kaum Semai Tahun 3 yang bersekolah di sekitar negeri Perak.



### 1.10.2 Sekolah Rimba

*Forest School* atau Sekolah Rimba didefinisikan sebagai model penyampaian pendidikan luar bilik darjah di mana pelajar menggunakan ruang alam semula jadi untuk mempelajari kemahiran peribadi, sosial dan teknikal (O’Brien & Murray, 2007). Menurut Savery et al. (2017), Sekolah Rimba adalah pembelajaran berpusat di luar konteks bilik darjah dalam masa yang sama ia memupuk minat dalam pembelajaran dalam kalangan masyarakat luar bandar selaras dengan penerokaan dan kolaborasi dengan persekitaran mereka. Dalam konteks kajian ini, Modul Membaca Sekolah Rimba dibangunkan berdasarkan konsep Sekolah Rimba dengan berdasarkan pengetahuan peribumi untuk menarik minat dan memberi impak lebih baik terhadap pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini kerana tumpuan pelajaran





konsep Sekolah Rimba untuk mereka adalah berasaskan pengetahuan mereka dengan alam semula jadi dan ciri budaya mereka sendiri.

### 1.10.3 Modul

Modul bermaksud bahan pengajaran yang telah dibahagikan mengikut sub topik dan ia disusun mengikut kesinambungan antara satu sama lain (Ngadirin, 2003). Modul adalah salah satu pendekatan untuk membantu pelajar dalam memahami subjek yang mereka pelajari yang mengandungi topik-topik yang selari dengan silibus Kementerian Pelajaran Malaysia (Johari & Noor Asmalinda, 2010). Dalam konteks kajian ini, satu modul membaca Bahasa Melayu dibina khusus untuk murid Orang Asli Tahun 3 yang juga menggunakan konsep Sekolah Rimba dalam masa yang sama ia mencapai standard dan berintegrasi kurikulum sekolah rendah. Dalam memastikan kelestarian masyarakat Orang Asli, modul ini yang mengandungi elemen pengetahuan peribumi akan menepati keperluan mereka supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan kelangsungan hidup mereka kelak.

### 1.10.4 Pengetahuan Peribumi

Menurut Ryser (2011), pengetahuan peribumi dapat ditakrifkan dengan meluas sebagai pengetahuan tentang komuniti Orang Asli (tempatan) yang telah terkumpul dan diturunkan dari generasi ke generasi dalam persekitaran tertentu. Pengetahuan peribumi di dalam kajian ini adalah merujuk kepada pemahaman, budaya dan kemahiran yang telah dicipta dan dibangunkan oleh masyarakat Orang Asli yang merangkumi kepercayaan, adat resam dan sejarah yang berinteraksi seiring dengan





persekitaran alam semula jadi mereka. Maka, menerusi kajian ini Modul Membaca Sekolah Rimba dibangunkan adalah bersesuaian dengan pengetahuan peribumi murid Orang Asli bagi memudahkan mereka untuk mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 3 dan kemudian untuk diaplikasikan ke dalam kehidupan seharian mereka kelak. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menjalankan kajian dan elemen pengetahuan peribumi adalah dari suku kaum Orang Asli Semai di Perak.

#### **1.10.5. Kelestarian**

Kelestarian adalah sebuah konsep yang didasari prinsip tentang keperluan untuk hidup dan kesejahteraan adalah bergantung terhadap alam semula jadi yang merupakan satu pemikiran futuristik dengan keseimbangan persekitaran, ekonomi dan

sosial untuk menjamin kualiti kehidupan (Siti & Christoper, 2016). Elemen pengetahuan peribumi Orang Asli yang terkandung di dalam modul ini adalah untuk memastikan komuniti mereka dari peringkat usia kanak-kanak lagi dapat dipertahankan dan menggunakan pengetahuan mereka tentang ilmu serta budaya yang diwarisi akan terjamin. Modul yang dibangunkan ini diharap dapat membantu generasi baharu dalam komuniti mereka untuk mengekalkan dan mengembangkan pengetahuan peribumi mereka supaya ia terjamin dan dapat digunakan dalam kehidupan mereka kelak.

#### **1.11 Limitasi Kajian**

Pada awalnya pengkaji bercadang untuk melaksanakan kajian di tiga buah negeri iaitu di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan tetapi disebabkan pandemik Covid-19 dan





mengambil kira aspek kesihatan maka pengkaji menjalankan kajian di tiga buah sekolah di sekitar negeri Perak sahaja. Dalam masa yang sama, menerusi pembacaan dari kajian-kajian terdahulu dan perbincangan bersama pakar, aspek bahasa atau dialek dan budaya-budaya yang digunakan Orang Asli di setiap negeri di Malaysia ini ternyata terdapat perbezaan mengikut sub-etnik mereka. Oleh itu modul yang dibangunkan hanyalah terhad kepada murid Orang Asli Semai di Perak sahaja kerana elemen peribumi yang terkandung di dalam modul ini adalah berdasarkan pengetahuan peribumi masyarakat mereka yang tidak sesuai untuk diaplikasikan terhadap suku kaum Orang Asli yang lain.

Bilangan murid di Sekolah Kebangsaan Asli juga tidak ramai dan terdapat masalah kehadiran murid telah menyebabkan kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah bagi memperoleh jumlah sampel yang lebih baik. Selain itu, kekangan yang dihadapi oleh

pengkaji adalah pelaksanaan pembelajaran Modul Membaca Sekolah Rimba selama 8 minggu yang tertangguh beberapa kali akibat wabak penyakit Covid-19 dan juga penyakit tangan, kaki dan mulut yang dialami oleh peserta kajian sehingga ada yang perlu dikuarantin. Wabak-wabak ini juga telah menyebabkan beberapa buah sekolah yang telah dipilih di peringkat awal kajian tidak membenarkan pengkaji melaksanakan kajian.

## 1.12 Rumusan

Sebagai rumusan, kajian yang dilaksanakan adalah bertepatan dengan pengetahuan peribumi bagi memudahkan murid Orang Asli untuk memahami sukanan pelajaran dan kemudiannya ianya diguna pakai bagi menjamin kelestarian hidup mereka. Selain itu, proses pembangunan Modul Membaca Sekolah Rimba yang dilaksanakan juga akan diuji keberhasilannya sepanjang kajian ini dijalankan. Ini bagi membantu murid Orang





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

19

Asli untuk mengubah persepsi terhadap pembelajaran dan seterusnya meningkatkan keyakinan dan daya kompetitif diri untuk lebih maju hanya dengan menggunakan pengetahuan peribumi mereka untuk merangsang kefahaman dalam aspek membaca bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 3.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi